



**TEKS UCAPAN  
YB DATO' KAYA SETIA  
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERUTUSAN KHAS MENTERI BESAR  
BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN  
SEMPENA SAMBUTAN 29 TAHUN PENTADBIRAN  
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**

---

**22 SAFAR 1441H / 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**8.30 PAGI**

**DEWAN JAMUAN UTAMA, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH**

**BISMILLAHİR RAHMANIR RAHIM**

SALUTATION

1. SEGALA PUJI-PUJIAN HANYA LAYAK DITUJUKAN KEPADA ALLAH S.W.T., TUHAN YANG MEMILIKI SEKELIAN ALAMINI.
2. SELAWAT DAN SALAM DITUJUKAN KEPADA NABI MUHAMMAD S.A.W., AHLI KELUARGANYA DAN PARA SAHABATNYA.
3. TERIMA KASIH SAUDARA PENGERUSI MAJLIS.

4. YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO' BENTARA  
KANAN, MENTERI BESAR KELANTAN
5. YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD AMAR BIN  
HAJI NIK ABDULLAH, TIMBALAN MENTERI BESAR  
KELANTAN
6. YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDULLAH BIN  
YAKOB, SPEAKER DEWAN NEGERI KELANTAN
7. YANG BERHORMAT DATO' SHAHIDANI BIN ABDUL  
AZIZ, PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
KELANTAN
8. YANG BERHORMAT DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD  
RAHIM, PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN

- 9. YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**
- 10. YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN  
NEGERI DAN AHLI-AHLI PARLIMEN**
- 11. YANG MULIA TENGKU KAYA PERKASA, TIMBALAN  
SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN) /  
PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI  
KELANTAN**
- 12. YANG MULIA DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN  
TENGKU JAAFAR, TIMBALAN SETIAUSAHA  
KERAJAAN (PENGURUSAN)**

**13. YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI ZAMRI BIN ISMAIL,  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI  
KELANTAN**

**14. YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO',**

**15. YANG AMAT BERUSAHA KETUA-KETUA JABATAN,  
KETUA-KETUA JAJAHAN, KETUA-KETUA BADAN  
BERKANUN DAN KETUA-KETUA AGENSI SERTA  
SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI  
KELANTAN.**

PENDAHULUAN

16. TERLEBIH DAHULU MARILAH SAMA-SAMA KITA MELAHIRKAN RASA KESYUKURAN KEHADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERTEMU DAN BERHIMPUN PADA PAGI INI DI MAJLIS PERUTUSAN KHAS MENTERI BESAR KELANTAN BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN SEMPENA SAMBUTAN 29 TAHUN PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM.

17. SUKACITA SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DAN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO' BENTARA KANAN,

**MENTERI BESAR KELANTAN SERTA AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN YANG  
SENANTIASA MELAPANGKAN MASA UNTUK  
BERSAMA-SAMA DENGAN PENJAWAT AWAM  
NEGERI SETIAP KALI ADANYA MAJLIS YANG  
MELIBATKAN KEHADIRAN BERSAMA DI ANTARA  
KERAJAAN DAN PEJAWAT AWAM DILAKSANAKAN.**

**18. INI ADALAH MERUPAKAN SATU GAMBARAN YANG  
JELAS BAHAWA KERAJAAN NEGERI DAN PEGAWAI  
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MEMPUNYAI  
HUBUNGAN DAN KERJASAMA YANG ERAT SERTA  
SENTIASA BERSAMA DALAM MEMBANGUNKAN  
NEGERI KELANTANINI DEMI KESEJAHTERAAN  
RAKYAT.**

**19. PADA PAGIINI KITA AKAN SAMA-SAMA  
MENDENGAR AMANAT YANG AKAN DISAMPAIKAN  
OLEH YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO'  
BENTARA KANAN, MENTERI BESAR KELANTAN  
SEBAGAI PANDUAN KEPADA SEMUA PENJAWAT  
AWAM NEGERI KELANTAN BERSEMPENA DENGAN  
SAMBUTAN 29 TAHUN PENTADBIRAN KERAJAAN  
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM.**

20. DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN,

PELAN STRATEGIK KELANTAN MELANGKAH KE  
HADAPAN (2016 - 2025)

21. SEBAGAIMANA SEDIA MAKLUM, PELAN STRATEGIK

KELANTAN MELANGKAH KEHADAPAN (2016-2025)

MERUPAKAN SATU MANIFESTASI KEPADA

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN KERAJAAN

NEGERI BERLANDASKAN KONSEP MEMBANGUN

BERSAMA ISLAM DAN DIRANGKA BERTERASKAN

KEPADA TIGA TONGGAK UTAMA KEBERKATAN,

KEMAKMURAN DAN KEBAJIKAN.

22. SAYA INGIN MENARIK PERHATIAN KHUSUSNYA

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI NEGERI

SUPAYA MENJADIKAN PELAN INI SEBAGAI  
PANDUAN DAN RUJUKAN UTAMA PENTADBIRAN  
DAN PEMBANGUNAN KE ARAH MENCAPAI VISI  
DAN MISI KERAJAAN NEGERI MENJELANG 2025.

23. SAYA JUGA MENYERU AGAR SEMUA PENJAWAT  
AWAM NEGERI DI SEMUA PERINGKAT MENGAMBIL  
PERHATIAN SERTA MEMBERI SOKONGAN PADU  
DALAM PELAKSANAAN PELAN INI. SEMUA INI AKAN  
TERLAKSANA DENGAN WUJUDNYA PERSEFAHAMAN  
DAN KERJASAMA BAIK YANG TERJALIN DI ANTARA  
SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN AWAM.

**24. DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN,**

PRESTASI KEWANGAN DAN PERBELANJAAN  
MENGURUS

**25. PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEHINGGA**

**15 OKTOBER 2019 MENUNJUKKAN DEFISIT AKAUN  
SEMASA SEBANYAK RM2.46 JUTA BERBANDING  
TEMPOH YANG SAMA TAHUN 2018 SEBANYAK  
RM50.87 JUTA. JUMLAH KUTIPAN HASIL ADALAH  
SEBANYAK RM398.21 JUTA, IAITU MENINGKAT  
SEBANYAK RM10.68 JUTA ATAU 2.75% MANAKALA  
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS ADALAH  
SEBANYAK RM400.67 JUTA.**

**26. HASIL UTAMA PADA TAHUN 2019 DISUMBANGKAN  
OLEH HASIL TANAH SEBANYAK RM146.79 JUTA ATAU  
36.86% DARIPADA KESELURUHAN HASIL SEBENAR  
YANG DIKUTIP. HASIL TANAH SEBAHAGIANNYA  
DISUMBANGKAN OLEH:**

- a) HASIL PREMIUM TANAH SEBAHAGIAN  
BESARNYA DISUMBANGKAN OLEH KELULUSAN  
OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI BAGI  
PERMOHONAN MILIK TANAH KERAJAAN  
KEPADA PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN  
BERJUMLAH RM26.81 JUTA; DAN**
- b) HASIL CUKAI TANAH YANG DIBAYAR OLEH  
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN  
SEBANYAK RM33.31 JUTA DAN MASIH LAGI**

TERDAPAT TUNGGAKAN YANG BELUM  
DIBAYAR.

27. MANAKALA HASIL HUTAN TELAH MENINGKAT SEBANYAK RM11.71 JUTA ATAU 14.29% KEPADA RM93.61 JUTA BERBANDING TAHUN 2018. PENINGKATAN KETARA HASIL HUTAN DISUMBANGKAN OLEH:

a) BAYARAN GANTIRUGI DAN PAMPASAN JABATAN HUTAN SEBANYAK RM23.25 JUTA ATAU PENINGKATAN SEBANYAK RM16.31 JUTA ATAU 235% BERBANDING TEMPOH YANG SAMA TAHUN 2018

28. SEHINGGA 15 OKTOBER 2019, TERDAPAT PENURUNAN JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS SEBANYAK RM37.74 JUTA ATAU 8.6% BERBANDING TAHUN 2018 YANG TERDIRI DARIPADA PERBELANJAAN TANGGUNGAN DAN PERBELANJAAN BEKALAN.

29. OBJEKTIF KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN TAHUN 2019 ANTARANYA ADALAH UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN HASIL NEGERI DAN MEMASTIKAN PENGAWALAN PERBELANJAAN DI SEMUA JABATAN KERAJAAN NEGERI DILAKSANAKAN DENGAN CEKAP DAN BETUL, SEKALIGUS MENGURANGKAN JUMLAH DEFISIT AKAUN SEMASA NEGERI. JUSTERU ITU PENTADBIRAN DI KERAJAAN

NEGERI PERLU MERANGKA STRATEGI YANG LEBIH BERKESAN BAGI BERGERAK SEIRING DENGAN PERKEMBANGAN SEMASA EKONOMI NEGARA DENGAN MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN, MENTRANSFORMASIKAN PENGURUSAN PUNGUTAN HASIL DAN MENEKANKAN PERBELANJAAN BERHEMAH KE ATAS PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI.

30. DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN,

TAHUN MELAWAT KELANTAN 2020

31. SEKTOR PELANCONGAN MERUPAKAN ANTARA SEKTOR UTAMA DAN TERPENTING DALAM

MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI DI SELURUH  
DUNIA.

32. BERSESUAIAN DENGAN SAMBUTAN TAHUN  
MELAWAT KELANTAN 2020 PELBAGAI PROGRAM  
DAN ACARA TELAH DISUSUN SELARAS DENGAN  
KEPERLUAN SEMASA. MALAH PELBAGAI RANGKA  
PROMOSI TELAH DAN SEDANG BERJALAN  
ANTARANYA ADALAH KERJASAMA DI ANTARA  
KERAJAAN NEGERI & LADUNI SERVICES SDN.  
BHD. UNTUK PROJEK PESAWAT LIVERY AIR ASIA  
BAGI MENZAHIRKAN KOMITMEN KERAJAAN  
NEGERI DALAM MEMPROMOSIKAN TAHUN  
MELAWAT KELANTAN 2020 DAN  
MENGETENGAHKAN NEGERI KELANTAN KE

PERSADA ANTARABANGSA. FIRMA PERUNDING STRATEGIC MEDIA PENGIKLANAN BERSAMA AIR ASIA INI AKAN MEMBANTU MENGIKLANKAN LAGI NEGERI KELANTAN SECARA MENYELURUH DENGAN MENGGUNAKAN ASET PESAWAT AIRASIA SEPERTI AIRCRAFT LIVERY, INFLIGHT ADVERTISEMENT TERMASUK LUGGAGE COMPARTMENT, MEAL TRAY BACK, MAGAZINE TRAVEL 360, PORTEL INTERNET ROCKEY DAN JUGA ADVERTISEMENT DI KLIA2 GATEWAY IAITU FLAGPOLE DIGITAL SCREEN YANG DAPAT DIPAMERKAN KEPADA SELURUH PENGUNJUNG YANG MENGGUNAKAN KLIA@ YANG DIANGGARKAN SERAMAI 33 JUTA ORANG PENGGUNA SETAHUN.

33. JUSTERU DENGAN TEMA I LOVE KELANTAN ATAU KELANTAN DI HATI DENGAN ELEMEN FAMILY, FOOD & FESTIVAL (3F) YANG MEMBAWA MAKSUD PELANCONG DATANG BERSAMA KELUARGA BAGI MENIKMATI MAKANAN DAN MENYAKSIKAN PELBAGAI ACARA DAN FESTIVAL MENARIK DI NEGERI CIK SITI WAN KEMBANG AKAN MENCAPAI OBJEKTIF PENGANJURAN TAHUN MELAWAT KELANTAN 2020 DI SAMPING MEMBANTU PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT.

**34. DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN,**

**INTEGRITI PENJAWAT AWAM**

**35. SEPERTI SEMUA SEDIA MAKLUM, RASUAH  
MERUPAKAN ISU KRITIKAL YANG PERLU DITANGANI  
SECARA SISTEMATIK DAN MENYELURUH. PENJAWAT  
AWAM ADALAH GOLONGAN YANG BERISIKO  
TINGGI TERHADAP RASUAH KHUSUSNYA BAGI  
MEREKA YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN  
KEPUTUSAN DAN PEROLEHAN KERAJAAN.**

**36. WALAUPUN PADA TAHUN 2018 TIADA KES RASUAH  
YANG DILAPORKAN MELIBATKAN PENJAWAT  
AWAM NEGERI DAN PIMPINAN KERAJAAN NEGERI**

OLEH SPRM, KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA  
MEMPERKUKUHKAN DAN MEMBUDAYAKAN  
INTEGRITI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM.  
PELBAGAI PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN  
SEPANJANG TAHUN 2019. ANTARA PROGRAM  
PENGUKUHAN INTEGRITI YANG DIADAKAN  
TERMASUKLAH SEMINAR PENGUKUHAN INTEGRITI  
KEPADА AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN  
AHLI PARLIMEN.

37. SELAIN ITU JUGA PEJABAT SUK KELANTAN SEDANG  
MEMBANGUNKAN PELAN ANTIRASUAH NEGERI  
KELANTAN SELARAS DENGAN PELAN ANTIRASUAH  
NASIONAL YANG TELAH DILANCARKAN OLEH YAB

PERDANA MENTERI PADA 29 JANUARI 2019 YANG  
LALU.

38. PELAN ANTIRASUAH NEGERI KELANTANINI  
BERTUJUAN MENYEDIAKAN HALATUJU DAN  
KERANGKA TINDAKAN PENCEGAHAN RASUAH  
YANG BERSTRUKTUR DAN JELAS DI SAMPING  
MENINGKATKAN INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI  
DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN SEKALIGUS  
MENGURANGKAN AMALAN RASUAH,  
PENYELEWENGAN DAN SALAHGUNA KUASA  
SEKALIGUS DAPAT MENGURANGKAN KETIRISAN  
DAN MENINGKATKAN HASIL KERAJAAN.

39. DENGAN SOKONGAN PELAN STRATEGIK KELANTAN  
MELANGKAH KEHADAPAN DAN KOD ETIKA  
PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN (UBUDIYYAH,  
MASYU'LLIAH DAN I'TQAN), SAYA YAKIN USAHA  
MENBENDUNG GEJALA RASUAH DAN INTEGRITI  
AKAN TERCAPAI DAN MENGEKALKAN TIADA KES  
RASUAH DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DI  
NEGERIINI.

40. DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN,

PENCAPAIAN PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

41. KECEMERLANGAN PENGURUSAN PENTADBIRAN  
SEKTOR AWAM KINI ADALAH BERDASARKAN  
INDIKATOR TERTENTU YANG BERASASKAN KEPADA

PROGRAM-PROGRAM PENGUKURAN KUALITI DAN PRESTASI YANG DINILAI OLEH AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN JUGA NEGERI. SAYA AMAT MENGAMBIL BERAT PENCAPAIAN AGENSI KERAJAAN NEGERI BAGI PROGRAM-PROGRAM PENILAIAN PRESTASI YANG TELAH DILAKSANAKAN SETIAP TAHUN.

42. MELALUI PENILAIAN YANG DIJALANKAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA, SEBANYAK 7 JABATAN DAN AGENSI NEGERI TELAH MENDAPAT PENCAPAIAN LIMA BINTANG DALAM PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN PADA TAHUN 2018. SAYA MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA 7 JABATAN DAN AGENSI BERKENAAN

IAITU PEJABAT MENTERI BESAR DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN, PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN BACHOK, PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH, PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI DAN JABATAN AIR NEGERI.

43. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN JUGA BERJAYA MENGEKALKAN PENCAPAIAN CEMERLANG DALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) HRMIS BAGI PENCAPAIAN 100 PERATUS TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT BERMULA TAHUN 2016, 2017 DAN 2018.

**44. PADA BULAN OGOS YANG LEPAS, PEJABAT SUK KELANTAN TELAH DIANUGERAHKAN SIJIL MS ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH OLEH SIRIM. SISTEMINI DIWUJUDKAN BERTUJUAN UNTUK MEMASTIKAN SISTEM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PEJABAT SUK KELANTAN DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA MELALUI PEMBUDAYAAN AMALAN BERINTEGRITI, TRANSPARENSI DAN SENTIASA PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG SERTA PERATURAN DI KALANGAN WARGA KERJA.**

**45. PADA TAHUNINI JUGA, KERAJAAN NEGERI KELANTAN BERJAYA MEREALISASIKAN PENUBUHAN BAHAGIAN KORIDOR INFRASTRUKTUR DAN SISTEM**

**MAKLUMAT GEOSPATIAL NEGERI KELANTAN.**

**OBJEKTIF UTAMA BAHAGIANINI ADALAH BAGI**

**MENYELARAS TINDAKAN UNTUK MENGAWAL**

**PELAKSANAAN PERKHIDMATAN UTILITI SUPAYA**

**TERANCANG, TERSUSUN DAN BERSISTEMATIK.**

**PENUBUHAN BAHAGIANINI AKAN**

**MENYUMBANGKAN HASIL KEPADA KERAJAAN**

**MELALUI PENGENAAN CAJ PENYELENGGARAAN**

**KEPADAPENYEDIA-PENYEDIA PERKHIDMATAN**

**UTILITI. PENUBUHAN BAHAGIANINI JUGA DIHARAP**

**DAPAT MENYELESAIKAN ISU-ISU BERKAITAN**

**KORIDOR INFRASTRUKTUR UTILITI BAWAH TANAH**

**ANTARANYA ISU PERMOHONAN DAN KELULUSAN,**

**ISU PEMBINAAN BARU, ISU PEMANTAUAN DAN ISU**

**KETIADAAN PANGKALAN DATA.**

46. DIKESEMPATANINI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA JABATAN DAN AGENSI NEGERI YANG TELAH MENCAPAI TAHAP KECEMERLANGAN TERSEBUT. PENCAPAIANINI MERUPAKAN SATU PENANDA ARAS KEPADA PIHKERAJAAN NEGERI UNTUK MENGEKALKAN KECEMERLANGAN PADA MASA YANG AKAN DATANG DAN SAYA BERHARAP AGAR LEBIH BANYAK JABATAN/AGENSI YANG MENDAPAT PENGIFTIRAFAN CEMERLANG PADA SETIAP TAHUN.

47. DATO'-DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN,

PENUTUP

48. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPANINI,  
MARILAH SAMA-SAMA KITA BERDOA DAN  
BERGANDING BAHU AGAR SEMUA CABARAN-  
CABARAN YANG BAKAL KITA HARUNGI NANTI  
AKAN DAPAT KITA URUSKAN SEBAIK MUNGKIN  
DENGAN PENUH INTEGRITI DAN KOMITED, KREATIF  
DAN INNOVATIF DALAM MENGHASILKAN IDEA-  
IDEA BAHARU UNTUK MENINGKATKAN LAGI KUALITI  
SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM DI  
NEGERI KELANTAN YANG KITA SAYANGIINI.

49. SEKALI LAGI SAYA MERAKAMKAN UCAPAN  
SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KEPADA YAB.  
USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR  
KELANTAN, YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR  
KELANTAN, YB DATO' SPEAKER DEWAN KELANTAN,  
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI  
KELANTAN, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DAN  
SEMUA KETUA-KETUA JABATAN DAN HADIRIN-  
HADIRAT YANG TELAH DAPAT MELAPANGKAN  
MASA HADIR PADA HARI INI.

50. SAYA SUDAHI UCAPAN SAYAINI DENGAN  
WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUMWARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH.